

Tamrin kini Ketua Pemuda Melaka

MELAKA, Sabtu — Ahli-ahli Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Encik Tamrin Ghafar, dilantik menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Melaka yang baru, menggantikan Ketua Menteri, Encik Abdul Rahim Datuk Tambi Chik

Perlantikan itu diumumkan sendiri oleh Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Encik Anwar Ibrahim, selepas mengadakan perjumpaan tertutup kira-kira satu setengah jam di kediaman rasmi Ketua Menteri, di Seri Bendahara di sini malam tadi.

Perjumpaan yang dipengerusikan oleh Encik Rahim itu turut disertai oleh tiga ahli Exco Pemuda iaitu Encik Mazlan Idris, Encik Muhyidin Muhammad Yassin dan Encik Nazri Tan Sri Aziz Yeop serta Penolong Setiausahaanya Encik Zainal Abidin Osman.

Keempat-empat Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Negeri Melaka dan Setiausaha UMNO Perhubungan Melaka, Datuk Haji Md. Din bin Haji Abdul Ghani juga hadir di perjumpaan itu.

Encik Anwar juga mengumumkan perlantikan Ketua Pemuda UMNO Bahagian Alur Gajah, Encik Abdul Razak bin Abdul Rahman, sebagai Naib Ketua Pemuda UMNO Negeri Melaka, dan Ketua Pemuda UMNO Bahagian Jasin, Haji Abdul Rahim bin Haji Abdullah, sebagai Penolong Setiausaha.

Dalam satu sidang



● Encik Tamrin

akhbar selepas perjumpaan itu, Encik Anwar yang juga Timabalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkata keputusan untuk melantik pemimpin-pemimpin baru itu dicapai dalam suasana yang tenang dan penuh persefaman.

Beliau juga mengarahkan pemimpin-pemimpin baru itu supaya segera menyusun dan mempelbagaikan kegiatan mereka termasuk di bidang politik, ekonomi dan sosial untuk memperkuatkan parti, di samping menyokong kerajaan negeri pimpinan Encik Rahim.

Encik Rahim yang mengosongkan jawatan yang disandangnya sejak tahun 1978, mengucapkan terima kasih kepada pemimpin-pemimpin Pemuda UMNO yang baru atas kesediaan mereka menyokong kerajaan di bawah pimpinannya.